

22/07/1999

Parti lawan tidak penting perpaduan

Azman Abdul Hamid; Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Rabu - Pakatan pembangkang tidak akan berjaya di negara ini kerana mereka hanya pandai memecahbelahkan rakyat, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Berbeza dengan Barisan Nasional (BN) yang menyatukan semua kaum, Perdana Menteri berkata, Pas, DAP, Parti Keadilan Nasional dan Parti Sosialis Malaysia (PRM) hanya bekerjasama ketika musim pilihan raya.

Pembangkang, katanya, hanya meniru pendekatan BN dari segi kerjasama mencapai matlamat politik tetapi usaha itu akan gagal kerana mereka mengutamakan kepentingan sendiri.

"Mereka buat pakatan kononnya mahu melawan BN. Tetapi, pakatan itu tidak akan berjaya kerana awal-awal lagi mereka sudah bertelagah mengenai agihan kerusi dan tempat bertanding," katanya.

Beliau yang juga Pengerusi BN berucap merasmikan Khemah Bina Negara Wanita Malaysia anjuran Pergerakan Wanita BN di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini hari ini.

Dr Mahathir menyifatkan Keadilan menjadi mangsa perebutan kerusi antara Pas, DAP dan PRM.

"Parti Keadilan Nasional tidak ada pengaruh dalam pakatan itu. Mereka terpaksa terima apapun keputusan (Pas dan DAP) sekalipun diberi kawasan yang pasti ia akan kalah.

"Perjuangan pertama Parti Keadilan Nasional ialah mencari keadilan terlebih dahulu di kalangan parti yang menjadi rakan politiknya sekarang," katanya.

Perdana Menteri berkata, sebaliknya proses agihan kerusi dan tempat bertanding di kalangan 14 parti dalam BN tidak mencetuskan sebarang masalah atau kontroversi kerana setiap keputusan diterima sekalipun pahit.

"Memang benar kadang kala sukar untuk menentukan calon. Tetapi BN beri kebebasan kepada semua parti komponen untuk menentukannya dan pasti ada pihak yang berasa tidak puas hati.

"Bagaimanapun, apa yang penting apabila diputuskan, semua parti komponen BN menerima tanpa apa-apa persoalan lagi," kata Dr Mahathir.

Sementara itu, ketika sidang akhbar, beliau berkata, dalam soal agihan kerusi dan tempat bertanding, BN sudah berjaya menyelesaikannya sejak pilhan raya pertama diadakan hingga sekarang.

"Kita berbahas mengenai dan apabila selesai parti merapatkan barisan," tegasnya.

(END)